

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

KERAJAAN MENYOKONG MyCC DALAM MEMERANGI TIPUAN BIDA

KUALA LUMPUR, 22 JUN 2022 – Mandat utama Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) adalah untuk menyokong usaha Kerajaan dalam mempertingkatkan proses perolehan dengan memerangi amalan antipersaingan seperti aktiviti tipuan bida. Selama satu dekad, MyCC telah bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan lain seperti Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dalam menangani isu ketirisan dalam perolehan kerajaan.

Pekeliling Integriti dalam Perolehan Awam (PK 1.6) yang baru dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan baru-baru ini menandakan satu kejayaan bermakna bagi MyCC yang direalisasikan melalui penglibatan berterusan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan dan usaha advokasi mengenai Akta Persaingan 2010 sepanjang satu dekad penubuhannya. Di bawah pekeliling baharu yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2022 ini, syarikat yang berminat untuk menyertai tender kerajaan perlulah mematuhi Akta Persaingan 2010, antara undang-undang lain yang disebut dalam pekeliling itu. Agensi kerajaan juga kini dikehendaki memberi perhatian kepada isu kartel/pakatan tipuan bida dalam perolehan kerajaan dan melaporkan kepada MyCC jika terdapat sebarang tanda pakatan tipuan bida.

“Sepanjang penubuhan MyCC, kami mendapati selain daripada isu rasuah dan penipuan yang lazimnya dikaitkan dengan ketirisan, tipuan bida merupakan ancaman besar kepada ketirisan perolehan awam. Bentuk kartel ini berlaku apabila dua atau lebih pesaing berpakat untuk memanipulasi proses perolehan, manafikan peluang untuk pembida yang bersaing secara adil dan mengganggu proses persaingan sama sekali. Kami berterima kasih di atas tumpuan yang diberikan kepada Akta Persaingan 2010 dalam pekeliling PK 1.6 baharu ini, dan kami akan memperkuatkannya usaha penguatkuasaan kami dalam membanteras aktiviti tipuan bida dalam tender kerajaan.” kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

Berikutan pelaksanaan pekeliling ini, individu atau syarikat yang didapati terlibat dalam aktiviti tipuan bida dalam perolehan awam akan disenaraihitamkan oleh Kementerian Kewangan untuk tempoh lima (5) tahun. Ini telah mendapat pelbagai reaksi di kalangan pihak berkepentingan, terutamanya berkaitan keberkesanannya dalam memerangi aktiviti tersebut. Perlu diketengahkan bahawa ini adalah satu mesej yang jelas oleh kerajaan bahawa aktiviti kartel tipuan bida tidak akan diberi sebarang toleransi.

Pekeliling PK 1.6 akan dibincangkan dengan lebih terperinci pada Persidangan Undang-undang Persaingan Malaysia Ke-3 tahun 2022 yang akan diadakan pada 23 dan 24 Jun 2022 di Sunway Resort, Selangor. Untuk maklumat lanjut mengenai Persidangan ini, sila layari laman web kami di www.mycc.gov.my.

-tamat-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: cadmycc@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuatkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.